



**NAZARIAH
OSMAN**

MESYUARAT Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) ke-58 yang diadakan di Kuala Lumpur pada 9 Julai, lalu menandakan titik perubahan bersejarah dalam landskap serantau Asia Tenggara dengan mempercepatkan fasa akhir kemasukan Timor-Leste ke dalam ASEAN.

Perkembangan ini adalah susulan keputusan yang dibuat semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 untuk menerima Timor-Leste sebagai ahli ke-11 pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 yang dijadualkan berlangsung pada Oktober ini.

Dengan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dan tuan rumah AMM ke-58, Kuala Lumpur menjadi pentas untuk detik penting dalam pengembangan ASEAN ini.

LANGKAH PROSEDUR & INTEGRASI INSTITUSI

Semasa AMM ke-58, para Menteri Luar ASEAN meluluskan secara rasmi Garis Panduan untuk Memudahkan Kemasukan Timor-Leste ke dalam Instrumen Perundangan ASEAN, menandakan kesediaan institusi untuk integrasi penuh Timor-Leste.

Garis panduan ini merangka laluan bagi Dili untuk menyertai pelbagai perjanjian, konvensyen dan perundangan ASEAN yang merangkumi tiga tonggak Komuniti ASEAN iaitu politik, keselamatan, ekonomi dan sosiol budaya.

AMM turut menggesa Timor-Leste supaya mempercepatkan proses ratifikasi instrumen-instrumen ini dan menyesuaikan kerangka perundangan domestiknya dengan dasar-dasar sedia ada ASEAN. Ini termasuklah penyertaan dalam perjanjian ekonomi utama yang penting untuk akses pasaran, liberalisasi perdagangan dan hubungan serantau. Penubuhan Unit Timor-Leste di Sekretariat ASEAN akan memainkan peranan penting dalam memantau dan memudahkan proses integrasi ini.

Malaysia memainkan peranan penting dalam memastikan langkah-langkah prosedur ini dilaksanakan secara berkesan dan segera. Sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia bukan sahaja menjadi tuan rumah

Kemasukan Timor-Leste titik perubahan ASEAN



KEMASUKAN Timor-Leste bukan sekadar perluasan prosedural tetapi pelaburan strategik dalam solidariti serantau.

dan pengerusi mesyuarat, dalam turut menekankan nilai keterangkuman dan kelestarian. Ia merupakan dua prinsip utama yang tercermin dalam penerimaan Timor-Leste ke dalam ASEAN.

KEPIMPINAN & DIPLOMASI STRATEGIK MALAYSIA

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam ucapan pembukaan beliau, menegaskan prinsip Pusat ASEAN (ASEAN Centrality) dan menyeru sinergi yang lebih besar antara tiga tonggak ASEAN. Beliau menggariskan kemasukan Timor-Leste bukan sekadar perluasan prosedural tetapi pelaburan strategik dalam solidariti serantau.

Seiringan semangat tersebut, Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan, menekankan dalam sidang media pada 11 Julai bahawa Malaysia menyokong penuh penyertaan awal Timor-Leste ke dalam Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) yang dijangka dimeterai pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 sekali gus mengukuhkan kedudukan Dili dalam rangka kerja keamanan dan keselamatan ASEAN.

Kepimpinan Malaysia dicirikan oleh ketegasan dan kejelasan diplomatik.

Dengan mendorong proses penyelarasan undang-undang dan memudahkan penyertaan bermakna Timor-Leste dalam dialog ASEAN, Malaysia bukan sahaja melaksanakan tanggungjawab pengerusiannya, malah mengukuhkan peranannya sebagai pemangkin perpaduan di Asia Tenggara.

KESAN SERANTAU & STRATEGIK KEMASUKAN TIMOR-LESTE

Kemasukan Timor-Leste ke dalam ASEAN akan memberikan kesan pelbagai dimensi yang memperkukuh blok serantau ini dalam beberapa aspek penting:

■ Politik

Penerimaan Timor-Leste mengukuhkan identiti ASEAN sebagai komuniti yang inklusif, berpaksikan undang-undang dan berdaya tahan. Ia menunjukkan komitmen ASEAN terhadap demokrasi yang sedang berkembang, terutama negara-negara dengan pengalaman pasca konflik yang unik.

Setelah merdeka pada 2002 selepas bertahun-tahun penjajahan dan konflik dalaman, Timor-Leste kini merupakan sebuah demokrasi yang teguh dengan komitmen kuat terhadap hak asasi manusia, tadbir urus baik dan kerjasama serantau. Penyertaannya memberi isyarat yang ASEAN bukan

sekadar 'kelab eksklusif' negara-negara maju, tetapi komuniti yang menghargai evolusi demokrasi, ketahanan nasional dan solidariti serantau.

■ Strategik

Penyertaan Timor-Leste dalam Perjanjian SEANWFZ yang dijadualkan pada Oktober 2025 akan memperluas liputan geografi zon bebas senjata nuklear ini, menutup jurang strategik dan simbolik dalam perjanjian tersebut.

Khadmat Asia Tenggara yang bebas senjata nuklear akan memperkukuh suara ASEAN dalam forum pelucutan senjata, meningkatkan peranannya sebagai pendukung keamanan dan kestabilan serta menunjukkan perpaduan serantau mampu menjadi penimbang tara kepada ketidakstabilan global.

■ Ekonomi

Integrasi Timor-Leste ke dalam ASEAN berpotensi membawa transformasi besar kepada negara tersebut dan juga kepada komuniti serantau. Dengan populasi sekitar 1.3 juta dan sumber asli yang melimpah termasuk minyak dan gas, Timor-Leste merupakan pasaran hadapan yang sedang muncul di Asia Tenggara.

Penyertaannya akan mengembangkan pasaran dalaman ASEAN, menggalakkan perdagangan



Malaysia menyokong penuh penyertaan awal Timor-Leste ke dalam Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) yang dijangka dimeterai pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-47."

intra-ASEAN, pelaburan dan kerjasama pembangunan yang lebih meluas. ASEAN juga komited untuk menyediakan bantuan teknikal dan sokongan dasar bagi memastikan peralihan Timor-Leste ke dalam Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) berjalan lancar. Ini termasuk memudahkan penyertaannya dalam perjanjian utama seperti Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA), Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (AFAS) dan protokol lain yang berkaitan.

■ Sosial & Budaya

Penyertaan Timor-Leste menambah kepelbagaian bahasa dan budaya dalam ASEAN, memperkaya pertukaran sosiobudaya dan mengukuhkan moto ASEAN, 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti'.

Menjelang Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 pada Oktober, kemasukan penuh Timor-Leste bukan sekadar formaliti diplomatik tetapi pengesahan kukuh mengenai komitmen ASEAN terhadap keterangkuman, perpaduan dan kerjasama masa hadapan.

Malaysia, melalui kepimpinan strategik dan kecekapan diplomatiknya, telah memainkan peranan yang amat penting dalam merealisasikan aspirasi serantau ini.

PROFESOR Madya Dr. Nazariah Osman ialah Dekan Sekolah Pengajian Antarabangsa, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM).